



كمنتريين حال احوال دالم نكري
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

SIARAN AKHBAR
PERMOHONAN UNTUK MENDATANGKAN PEKERJA ASING KE
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam usaha membantu tindakan-tindakan bersepadu pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dari semasa ke semasa meneliti mana-mana proses di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya ke arah membendung penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

2. Untuk itu, berdasarkan kepada nasihat-nasihat yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ingin memaklumkan kepada orang ramai khususnya majikan-majikan mengenai perubahan-perubahan tertentu kepada proses mendatangkan pekerja asing ke negara ini seperti berikut: -
 - 2.1 Bermula hari Sabtu, 21 Mac 2020, ke semua permohonan-permohonan untuk mendatangkan pekerja asing adalah ditangguhkan buat sementara waktu sehingga satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian;
 - 2.2 Butiran berkenaan dengan kategori-kategori permohonan dan proses-proses yang terlibat dengan penangguhan ini adalah seperti berikut: -
 - 2.2.1 Permohonan untuk mendapatkan Lesen Pekerja Asing (LPA) bagi pekerja asing baru dan permohonan tambahan, termasuk permohonan yang telah dihadapkan ke Jabatan Buruh sebelum 21 Mac 2020;
 - 2.2.2 Permohonan untuk mendatangkan Pekerja Domestik, termasuk permohonan yang telah dihadapkan ke Jabatan Buruh sebelum 21 Mac 2020;
 - 2.2.3 Permohonan untuk mendapatkan visa kerja, termasuk permohonan yang telah dihadapkan ke Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan sebelum 21 Mac 2020;

- 2.2.4 Surat Kebenaran Visa Kerja yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan;
 - 2.2.5 Visa kerja yang akan dan telah dikeluarkan oleh Kedutaan dan Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di luar negara;
 - 2.2.6 Bagi pekerja asing yang telah dikeluarkan visa kerja dan masih berada di negara asal untuk menanggunghkan pelayaran mereka ke Negara Brunei Darussalam dan terus berada di negara mereka; dan
 - 2.2.7 Bagi pekerja yang telah dikeluarkan *Re-Entry Visa* dan masih berada di negara asal untuk menanggunghkan pelayaran mereka ke Negara Brunei Darussalam dan terus berada di negara mereka.
3. Walau bagaimanapun, permohonan bagi kategori membaharui Lesen Pekerja Asing (LPA) iaitu bagi pekerja-pekerja yang sudah berada di Negara Brunei Darussalam akan diterima dan diproses seperti lazimnya. Dalam masa yang sama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan akan menilai sebaik-baiknya, jika ada permohonan-permohonan tertentu yang akan menyumbang kepada kelangsungan atau *continuity* operasi-operasi kritikal sektor-sektor tertentu di negara ini.
4. Dalam pada itu, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memohon orang ramai khususnya majikan-majikan dan agensi-agensi pekerjaan untuk memberikan kerjasama padu dan berterusan bagi melaksanakan langkah-langkah yang dinyatakan ke arah memelihara keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.
5. Untuk sebarang keterangan lanjut, bolehlah menghubungi Jabatan Buruh melalui talian 2301848 (semasa waktu bekerja) atau 7298989 (di luar waktu bekerja) atau melayari laman sesawang Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan www.immigration.gov.bn atau melalui talian 2383106.

-TAMAT-

**Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam**